

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat : ISTANA BUDAYA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 01-07-2006
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN FESTIVAL KUALA LUMPUR 2006

Bismillahirrahmanirrahim,

YB. Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Hamid Pawan Teh,
Yang Di Pertua Dewan Negara

YB. Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim,
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan,
serta YBhg Datin Seri Utama Masnah Rais

YB. Dato' Sri Mohd Effendi Norwawi
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

YB. Dato' Zolhasnan Rafique
Menteri Wilayah Persekutuan
serta YBhg. Datin Siti Nooriah Razak

Tuan–Tuan Yang Terutama Duta-Duta Asing ke Malaysia,

YB. Timbalan Menteri – Timbalan Menteri,

Ahli-ahli Yang Berhormat,

YBhg. Dato' – Dato', Datin – Datin,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan kerana menjemput saya pada malam ini untuk merasmikan acara Festival Kuala Lumpur yang julung-julung kalinya diadakan di dalam kalendar aktiviti penganjuran acara negara. Saya amat gembira kerana dapat bersama-sama dalam majlis yang sangat signifikan dalam perkembangan dunia seni dan budaya tanah air.

2. Saya dimaklumkan bahawa teras pengisian Festival ini ialah pelbagai komponen seni, budaya dan warisan masyarakat Malaysia. Sesungguhnya, ketiga-tiga aspek berkenaan merupakan tunjang tamadun atau peradaban sesuatu bangsa. Berdasarkan hakikat ini, dan memandangkan sememangnya hasrat kita ialah untuk membentuk bangsa yang bukan sahaja maju secara fizikal, tetapi pada masa yang sama tinggi nilai budaya dan keseniannya, maka sudah tentu pembangunan ekonomi negara perlu dilengkapi dengan keupayaan warganya menjulang kecemerlangan melalui pupukan seni budaya.

3. Suka saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan Malaysia menyokong penuh usaha untuk mengangkat kepelbagaian seni budaya dan warisan negara, dan manifestasi usaha tersebut dalam satu acara besar berbentuk Festival ini amat sesuai sekali. Jika di dalam sektor aeroangkasa dan maritim, kita mempunyai acara "flagship" kita iaitu LIMA, atau di dalam sukan kita dikenali dengan temasya sukan basikal antarabangsa seperti "Le Tour de Langkawi" dan juga sukan automotif Sepang Formula 1, maka sasaran kita bagi Festival Kuala Lumpur ini, ialah supaya ianya menjadi ikon bagi seni, budaya dan warisan Malaysia di persada seni antarabangsa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Pada hemat saya, penganjuran Festival Kuala Lumpur yang julung kalinya dilaksanakan pada tahun ini, merupakan acara yang amat bermakna dari pelbagai aspek. Pertama sekali, ia bakal menjadi landasan penting untuk mengenengahkan keindahan dan unsur-unsur kebudayaan, kesenian dan warisan pelbagai kaum di Malaysia, sama ada untuk tatapan masyarakat tempatan mahupun masyarakat antarabangsa. Saya percaya, wadah yang disediakan melalui Festival ini menjadi medan terbaik untuk mempamerkan kecemerlangan kreativiti dan warisan bangsa. Walaupun sepanjang tahun banyak aktiviti seni, budaya dan warisan dilaksanakan di seluruh negara, namun Festival Kuala Lumpur meletakkan fokus khusus kepada nadi seni dan budaya yang masih subur, biarpun di tengah-tengah kota metropolitan yang sibuk seperti Kuala Lumpur.

5. Ini membawa kepada kepentingan Festival Kuala Lumpur yang kedua, iaitu sebagai salah satu pengisian utama usaha ke arah menempatkan Kuala Lumpur sebagai pusat seni, budaya dan warisan bertahap antarabangsa. Kuala Lumpur, ingin kita ketengahkan sebagai bandaraya moden dan progresif, namun tetap kaya dengan nilai-nilai kebudayaan, kesenian dan ketamadunan. "Kuala Lumpur is a city with a soul". Inilah yang ingin kita serlahkan kepada dunia.

6. Hakikatnya, untuk melakukan ini bukanlah sesuatu yang sukar. Rata-rata, negara kita Malaysia ini sudahpun terkenal dengan keistimewaanannya dari segi kekayaan budaya dan warisan serta kesenian, hasil dari kewujudan masyarakat berbilang kaum yang hidup bersama dalam keadaan harmoni. Apa yang perlu, hanyalah usaha yang padu bagi mengetengahkan kualiti yang kita miliki ini dan menonjolkannya di pentas dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Kerajaan Malaysia telah pun sebulat suara bersetuju agar Kuala Lumpur dihiasi dengan pelbagai aktiviti sepanjang tahun agar terus menarik minat pengunjung dan menjadi pilihan destinasi pelancongan utama. Saya dimaklumkan bahawa nama acara ini sendiri, iaitu KL Festival akan dipromosikan ke seluruh dunia sebagai satu 'jenama' atau 'branding' yang sinonim dengan imej sebuah bandaraya yang pesat membangun namun masih kaya dengan aktiviti seni, budaya dan warisannya.

8. Saya kira ini amat penting bagi memastikan Festival Kuala Lumpur ini mendapat perhatian dari penggiat dan peminat seni dunia. Kita ingin lihat Festival Kuala Lumpur menjadi tumpuan ahli-ahli, penggiat serta peminat seni dan budaya dari seluruh rantau ini, malah dari seluruh dunia, setiap kali ia dianjurkan.

9. Biarlah kita terkenal, bukan sahaja sebagai destinasi membeli belah atau destinasi perniagaan dan komersil semata-mata, tetapi juga sebagai destinasi bagi memenuhi citarasa dan minat terhadap seni. "Let it be known that Kuala Lumpur is so much more than just a shopping destination or a place where business is done. Let it be known that Kuala Lumpur is also the place where you can find the finer things in life; a center of arts and culture that stimulates the mind and invigorates the spirit."

10. Saya berkeyakinan penuh bahawa kita dapat mencapai matlamat ini, jika semua pihak berganding bahu untuk merealisasikan. Dalam konteks ini kerjasama yang bersepadu beberapa pihak untuk melaksanakan Festival Kuala Lumpur amat dibanggakan. Saya difahamkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan atau KeKKWa, Kementerian Pelancongan, Kementerian Penerangan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur besama-sama bergandingan, bertungkus lumus untuk menjayakan Festival ini. Saya amat yakin penyatuan tenaga empat pihak ini akan memberi kesan yang amat positif kepada negara, bukan sahaja dari segi peningkatan pelancong ke Malaysia amnya dan Kuala Lumpur khususnya, tetapi juga kepada penyemarakan dan kecemerlangan produk seni, budaya dan warisan tanah air, di samping menonjolkan Kuala Lumpur sebagai Kota Seni dan Budaya.

11. Dalam pada itu, saya juga ingin menyebut di sini bahawa, untuk menjayakan hasrat kita bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai Kota Seni dan Budaya, ianya amat memerlukan penglibatan semua pihak. Saya mengalu-alukan penglibatan lebih meluas dari sektor korporat dalam usaha meningkatkan nilai kesenian dan kebudayaan masyarakat kita. Pembangunan seni, budaya dan warisan negara serta pengukuhan industri pelancongan negara akan mendatangkan manfaat kepada semua rakyat Malaysia. Oleh hal yang demikian, sektor korporat dan pihak swasta perlu sama-sama menyokong dan membantu Kerajaan dalam usaha ini, termasuk di dalam pelaksanaan Festival Kuala Lumpur.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Saya anggap Festival Kuala Lumpur 2006 sebagai pengenalan awal yang amat sesuai kepada usaha Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, untuk menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2007. Saya difahamkan statistik kemasukan pelancong ke Malaysia menunjukkan bahawa Malaysia menerima bilangan pengunjung paling ramai pada bulan Julai setiap tahun. Oleh yang demikian acara-acara yang diadakan sepanjang bulan Julai sempena Festival Kuala Lumpur 2006 ini menjadi juadah awal yang diharap dapat menarik minat pengunjung untuk kembali ke Malaysia pada tahun 2007 dan tahun-tahun seterusnya.

13. Sehubungan itu, saya juga dimaklumkan bahawa Festival Kuala Lumpur akan

terus dilaksanakan pada bulan Julai setiap tahun dengan diterajui bersama oleh KeKKWa, Kementerian Pelancongan, Kementerian Penerangan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya mengalu-alukan cadangan ini, dan saya harap ianya dapat dilaksanakan dengan jaya pada setiap tahun.

14. Kalendar pengisian aktiviti Festival Kuala Lumpur pada tahun ini menyenaraikan lebih 40 aktiviti yang pelbagai. Adalah menjadi harapan kita semua agar pengisian aktiviti ini akan terus dimantapkan dari tahun ke tahun. Beberapa aktiviti teras Festival perlu diadakan secara berterusan agar dapat menarik minat masyarakat tempatan dan antarabangsa dan menjadi aktiviti-aktiviti yang dinanti-nantikan setiap tahun. Saya percaya semua pihak yang terlibat dalam penganjuran Festival ini sedia maklum akan perlunya menzahirkan acara kemuncak atau disebut "Signature events" dalam program KL Festival ini, sebagai salah satu langkah dalam proses penjenamaan acara ini. Saya penuh berkeyakinan bahawa Festival Kuala Lumpur ini akan berjaya mengukir nama di peringkat antarabangsa jika ia dihebahkan dan "dipasarkan" dengan cara yang efektif, kreatif dan sesuai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan di atas jemputan ini. Dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Festival Kuala Lumpur yang sulung ini. Saya berharap agar Festival ini menjadi titik permulaan yang gilang gemilang bagi Festival Kuala Lumpur yang bakal diadakan di tahun-tahun yang akan datang, dan saya mendoakan kejayaan berterusan untuk acara ini, demi memartabatkan kebudayaan, kesenian dan warisan negara di persada dunia.

16. Dengan kata-kata itu dan dengan harapan agar Festival Kuala Lumpur akan terus mencapai kejayaan, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim dengan rasminya melancarkan Festival Kuala Lumpur 2006.

Sekian.